PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEMSAS (EXSAS)
(EX-STUDENTS ASSOCIATION OF SEMSAS) No.Pertubuhan: 240
No. 24-1, Jalan Pulau Lumut Q U10/Q, Taman Alam Budiman, Seksyen U10
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 019 – 299 1600
email : admin@exsas.com.my http://www.exsas.com.my

MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KE 20

Tarikh	**:**	**29 Jun 2019 (Sabtu)**	**Masa**	**:**	**9.30 pagi**
Tempat	**:**	**Dewan Iqra', SEMSAS Kuantan, Pahang**	**Kehadiran**	**:**	**44 orang**

1.0 Ucapan Presiden

1.1 Presiden mengucapkan terima kasih dan mengucapkan selamat datang kepada semua ahli yang hadir pada Mesyuarat Agung EXSAS kali ke 20, 2019. Perhargaan kepada Pentadbir SEMSAS yang telah memberikan kerjasama yang baik di dalam penganjuran acara Homecoming EXSAS 2019 pada kali ini.

1.2 Homecoming 2019 akan bermula dengan Mesyuarat Agung EXSAS dan KOEXSAS pada sebelah pagi di Dewan Iqra', diikuti dengan Jamuan Hari Raya SEMSAS-EXSAS bertempat di Padang SEMSAS, Program Kerjaya oleh EXSAS dan IPTA/IPTS di Dewan Al – Khawarizmi serta acara Sukaneka pada sebelah petang. Semua warga EXSAS dijemput untuk hadir.

1.3 Dewan Iqra' telah menjadi nostalgia kepada semua bekas pelajar SEMSAS terutama batch yang pernah menggunakannya suatu ketika dahulu. Dengan pembangunan pesat di kawasan persekitaran, dewan ini sepatutnya boleh memberikan sumbangan samada untuk SEMSAS mahupun EXSAS.

1.4 Dewan dan gelanggang bola keranjang ini boleh dinaik taraf dan juga boleh dikomersialkan serta digunakan oleh orang awam.

1.5 Koperasi EXSAS dan juga Syarikat EXSAS Sdn Bhd boleh digunakan sebagai 'vehicle' kearah pembangunan yang akan dibuat yang boleh menjana pendapatan kepada SEMSAS dan juga EXSAS.

1.6 Cadangan untuk memupuk pelajar-pelajar SEMSAS supaya menjadikan minat kepada keusahawanan dan juga kemahiran hidup sejak dari awal lagi supaya ia dapat membantu mereka pada masa yang akan dating.

1.7 3 Perkara yang akan dikemukakan kepada Gabungan Persatuan SBP supaya dapat disampaikan kepada Menteri Pendidikan adalah :

a. Keusahawanan
b. Kemahiran Hidup
c. Pendedahan Awal Minat Pelajar

1.8 Warga EXSAS berada dimana-mana sekarang dan perlu ambil peluang untuk menyuarakan pendapat melalui persatuan. Justeru keahlian EXSAS harus ditambah agar lebih ramai yang boleh ambil bahagian.

1.9 Presiden mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua AJK serta seluruh warga EXSAS yang telah memainkan peranan di dalam meletakkan EXSAS di kedudukan yang lebih tinggi dan dikagumi.

2.0 Pembentangan Minit Mesyuarat Agung Ke 19

2.1 Saudara Presiden membentangkan Minit Mesyuarat Agung kali ke 19 yang telah diadakan pada tahun 2018 di Cherengin Hills Convention & Spa Resort, Janda Baik, Pahang.

2.2 Saudara Ahmad Yunus (91) mencadangkan agar Minit Mesyuarat kali ke 19 ini disahkan dan telah disokong oleh Mohd Insan (89).

3.0 Pembentangan Laporan Tahunan

3.1 Saudara Azhar Aziz selaku Setiausaha telah membentangkan Laporan Tahunan bagi aktiviti yang dijalankan bagi tempoh di antara 2018 hingga 2019.

3.2 Semua kelab sukan yang telah ditubuhkan bergerak aktif dengan pelbagai aktiviti hasil dari permuafakatan dari pelbagai batch dalam sesebuah kelab. Ini secara tidak langsung dapat melebarkan 'networking' dikalangan warga EXSAS yang terlibat.

4.0 Pembentangan Penyata Kewangan

4.1 Saudari Aina Nadirah (10) selaku Bendahari telah membentangkan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir Disember 2019.

4.2 Tabung Kebajikan yang diwujudkan khas untuk mengumpulkan sumbangan untuk warga yang memerlukan seperti berlaku kematian dan juga sakit kronik.

4.3 Selain daripada itu, kutipan Ramadhan / Hari Raya juga telah mendapat sambutan yang baik dan seramai 71 orang pelajar SEMSAS yang terdiri daripada Pelajar Projek Khas telah menerima sumbangan.

4.4 Mantan Presiden EXSAS, Dato' Muhammad Imran (78) mengucapkan tahniah kepada Presiden EXSAS serta barisan AJK diatas kejayaan yang telah dicapai sehingga Jun 2019.

4.5 Saudara Fendi (96) mencadangkan agar Penyata Kewangan ini disahkan dan diterima manakala Saudara Ahmad Kamil (79) menyokong.

5.0 Pembentangan Usul, Cadangan dan Makluman

5.1 Saudara Azraie (07) berminat dengan 3 cadangan yang akan diangkat ke Kementerian Pendidikan dan berharap agar ianya dapa dilaksanakan di SEMSAS dahulu.

5.2 Dato' Muhammad Imran (78) berharap agar KOEXSAS akan dapat diteruskan kerana ia adalah satu usaha yang baik dan banyak peluang boleh didapati melalui dasar-dasar yang telah diwujudkan oleh kerajaan khusus untuk koperasi. Koperasi 78 bakal ditubuhkan selepas KOEXSAS dan berharap agar ada tenaga professional bagi menguruskan koperasi ini nanti.

5.3 Saudara Altahir memaklumkan bahawa cadangan untuk penganjuran Homecoming oleh batch tertentu telah lama dicadangkan dalam AGM terdahulu namun masih belum terlaksana. Jika terlaksana, ia sedikit sebanyak akan mengurangkan beban AJK sediada.

5.3.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada barisan AJK sediada dan berharap agar ada kesinambungan barisan AJK yang baharu pada masa yang akan datang.

5.3.2 Jumlah kehadiran ahli pada AGM juga tidak memuaskan dan berharap agar ahli-ahli dapat membantu mengajak ahli-ahli lain untuk hadir pada AGM yang akan datang.

5.3.3 Aspirasi persatuan tidak perlu bersaing terutama dengan persatuan dari sekolah premier namun kewujudan EXSAS telah mula dirasai oleh kebanyakkan alumni lain, antara yang aktif dan menonjol dikalangan alumni dan kadang kala melebihi dari sekolah-sekolah elit.

5.3.4 Program Powertalk yang telah dilaksanakan beberapa tahun yang lepas telah berjaya menonjolkan beberapa personality disamping dapat menarik lebih ramai warga EXSAS untuk sama-sama bekerjasama. Selain daripada sukan, Program Powertalk telah membantu perkembangan profesionalisma dan mengasah bakat pelajar yang baru keluar dari SEMSAS.

5.4 Dato' Presiden EXSAS memaklumkan bahawa EXSAS akan terus menyokong Program Powertalk dan apa jua program yang baik untuk SEMSAS dan juga EXSAS.

6.0 Ucapan Penangguhan

6.1 Dato' Presiden berterima kasih kepada semua yang telah hadir ke AGM pada kali ini serta akan hadir ke program-program lain yang akan berlangsung disepanjang hari ini.

6.2 Kerjasama dan sokongan dari semua warga EXSAS sangat dialu-alukan bagi membolehkan EXSAS terus maju pada masa hadapan.

6.3 Banyak maklum balas telah diperolehi dan dibincangkan melalui mesyuarat ini dan ini menunjukkan bahawa warga EXSAS sangat perihatin dengan persatuan.

6.4 EXSAS juga memerlukan sokongan daripada barisan AJK yang lama dan juga yang baru serta seluruh warga EXSAS bagi menjadikan persatuan yang lebih baik.

6.5 Beliau juga menghargai semua komitmen yang telah diberikan oleh AJK sediada serta warga EXSAS sehingga kini.

Majlis tamat dan ditangguhkan pada jam 11.20 pagi

Disediakan oleh ;

Azhar Aziz
Setiausaha

Dipengerusikan oleh ;

Dato' Hj Azhar Anuar
Presiden